**SOALAN 3.3 - DARAH**

1. Darah terdiri daripada beberapa komponen. KLIK **KOMPONEN DARAH** pada pilihan jawapan yang betul.

| |
|---|
| Plasma darah |
| Sel darah merah |
| Antigen |
| Sel darah putih |
| Platlet |
| Hemoglobin |

( 4 markah )

2. a. Zack telah mengalami kemalangan dan kehilangan banyak darah. Darah apakah yang sesuai diterima oleh Zack sekiranya beliau mempunyai Jenis A. KLIK pada jawapan yang betul dalam jadual di bawah.

| Kumpulan Darah A | Kumpulan Darah B | Kumpulan Darah AB | Kumpulan Darah O |
|---|---|---|---|
| | | | |

( 2 markah )

b. Apakah yang berlaku sekiranya Zack menerima darah jenis O. Pilih kemungkinan yang akan berlaku. kLIK pada jawapan yang betul dalam jadual di bawah.

| Tiada sebarang kesan | Darah tergumpal | Sihat dan selamat | Kematian |
|---|---|---|---|
| | | | |

( 2 markah )

LIVEWORKSHEETS

3. Nyatakan **BENAR** atau **SALAH** bagi penyataan berikut:

a. Seorang penerima darah bergantung kepada kehadiran antibodi dalam plasma darahnya. ☐

b. Kumpulan Darah jenis O dikenali sebagai penerima universal. ☐

c. Darah jenis O sesuai diterima oleh semua orang. ☐

d. Darah manusia dikelaskan mengikut jenis antigen ☐

( 4 markah )

4. Pilih jawapan yang betul bagi setiap penyataan yang berikut:

a. Seorang penderma darah mestilah berusia ( 21 – 55 tahun) / ( 18 – 60 tahun )

b. Berat minimum bagi seorang penderma darah ialah ( 45 kg ) / (50 kg )

c. Seorang penderma darah boleh menderma sehingga ( 0.5 liter / 1.0 liter ) darah dalam satu-satu masa

d. Kekerapan menderma darah ialah ( 6 bulan sekali ) / ( 3 bulan sekali )

( 4 markah )

5. Nyatakan jenis antigen dan jenis antibodi bagi jenis darah berikut :-

| JENIS DARAH | JENIS ANTIGEN | JENIS ANTIBODI |
|---|---|---|
| A | | Anti-B |
| B | | Anti-A |
| AB | A dan B | |
| O | Tiada | |

( 4 markah )

LIVEWORKSHEETS